

# UNIFLEX CREAM

Betamethasone 17-Valerate (0.025% w/w, 0.05% w/w, 0.1% w/w)

## Apakah yang ada pada risalah ini

1. Apakah kegunaan Uniflex cream
2. Bagaimana Uniflex Cream berfungsi
3. Sebelum menggunakan Uniflex Cream
4. Cara menggunakan Uniflex Cream
5. Semasa menggunakan Uniflex Cream
6. Kesan-kesan sampingan
7. Cara penyimpanan dan pelupusan Uniflex Cream
8. Maklumat lanjut
9. Pengilang dan Pemegang Pendaftaran Produk
10. Tarikh kemaskini RiMUP

## Apakah kegunaan Uniflex Cream

Untuk kegunaan pada kulit. Digunakan untuk melegakan:

- manifestasi keradangan kulit yang responsif terhadap kortikosteroid seperti ekzema, dermatitis, beberapa jenis psoriasis dan intertrigo.

## Bagaimana Uniflex Cream berfungsi

Betamethasone adalah kortikosteroid kuat yang membantu mengurangkan keradangan dan kegatalan kulit.

## Sebelum menggunakan Uniflex Cream

### -Bila tidak boleh menggunakan

- Jangan ambil ubat ini jika anda ada alahan (hipersensitif) terhadap betamethasone atau bahan lain yang terkandung dalam ubat ini.
- Tidak boleh digunakan pada bahagian mulut, sekitar mata, dubur dan kemaluan, di mana kulit adalah lebih nipis.
- Jika terdapat iritasi semasa menggunakan Uniflex, hentikan rawatan.
- Steroid topikal tidak boleh digunakan dalam jumlah yang besar atau untuk tempoh yang lama di kalangan wanita hamil.
- Elakkan penggunaan tempoh yang lama atau di kawasan badan yang besar terutamanya dengan pembalut luka.
- Jangan gunakan pada muka, kulit yang luka atau mempunyai jangkitan termasuk kudis herpes, jerawat, cacar air dan kaki atlet.
- Jangan guna pada kanak-kanak berusia di bawah 1 tahun.

### -Sebelum menggunakan Uniflex Cream

Sila beritahu doktor atau ahli farmasi jika anda:

- hamil atau menyusukan anak.
- menghidapi jangkitan virus, kulat atau bakteria pada kulit.

### -Jika mengambil ubat-ubat lain

Sila beritahu doktor atau ahli farmasi jika anda sedang atau kebelakangan ini mengambil ubat lain. Ini juga termasuk sebarang ubat tanpa preskripsi terutamanya barbiturat (digunakan untuk kemurungan), phenytoin (digunakan untuk sawan), rifampicin (digunakan untuk tibi).

## Cara menggunakan Uniflex Cream

### -Berapa banyak harus digunakan

Sapu lapisan yang nipis pada kulit yang mengalami jangkitan, 2 – 3 kali sehari.

### -Bila perlu digunakan

Ikut preskripsi daripada doktor.

### -Berapa lama perlu digunakan

Berdasarkan preskripsi doktor. Rujuk kepada doktor atau ahli farmasi sebelum menggunakan ubat ini untuk tempoh masa yang lebih panjang.

Apabila kulit beransur pulih, kurangkan penggunaan secara beransur-ansur dan akhirnya berhenti.

### -Jika terlupa menggunakannya

Guna secepat mungkin sebaik sahaja anda teringat. Dos seterusnya diguna mengikut masa yang telah ditetapkan.

### -Jika mengguna berlebihan (terlebih dos)

Penggunaan berlebihan boleh mengakibatkan sindrom *cushing's* seperti muka menjadi bulat, parut regangan, jerawat dan bunggol kerbau (lebih lemak di bahagian belakang bahu).

Dapatkan rawatan perubatan dengan segera jika anda terguna secara berlebihan atau bimbang dengan keadaan yang dialami.

## Semasa menggunakan Uniflex Cream

### -Perkara yang perlu dilakukan

Cuci tangan sebelum dan selepas menggunakan krim ini.

### -Perkara yang tidak boleh dilakukan

Krim ini hanya untuk kegunaan pada kulit sahaja. Tidak boleh dimakan.

Jangan guna ubat ini tanpa nasihat doktor atau ahli farmasi.

### -Perkara yang perlu diberi perhatian

Berhati-hati memandu atau mengendalikan mesin sehingga anda tahu bagaimana Uniflex Cream memberi kesan kepada anda.

Elakkan penggunaan tanpa kawalan terhadap kawasan yang gatal kerana ia boleh memburukkan keadaan apabila rawatan dihentikan.

## Kesan-kesan sampingan

- Sindrom *Cushing*.
- Jangkitan tersebar ke kawasan kulit yang lain.
- Penipisan kulit dan / atau warna kulit yang luntur.
- Pertumbuhan bulu meningkat.
- Jerawat.
- Parut regangan yang kekal.
- Ruam di keliling mulut.

Dapatkan rawatan perubatan dengan segera jika anda mengalami sebarang kesan sampingan atau masalah alahan.

Mana-mana kesan sampingan yang dilaporkan berikutan penggunaan sistemik kortikosteroid termasuk penekanan kelenjar adrenal, juga boleh berlaku berikutan penggunaan topikal terutama pada kanak-kanak dan bayi.

Anda boleh melaporkan sebarang kesan sampingan atau kesan advers ubat kepada Pusat Pemantauan Kesan Advers Ubat Kebangsaan melalui laman web [npra.gov.my](http://npra.gov.my) [Consumers→Reporting Side Effects to Medicinal (ConSERF) or Vaccine (AEFI)].

## Cara penyimpanan dan pelupusan Uniflex Cream

### -Penyimpanan

Simpan di bawah 30°C. Lindungi dari cahaya.

Jauhi daripada kanak-kanak.

Jangan guna ubat ini selepas tarikh luput.

### -Pelupusan

Ubat-ubatan tidak harus dilupuskan melalui air buangan atau sisa isi rumah. Sila rujuk kepada ahli farmasi anda mengenai cara yang betul untuk melupuskan ubat yang tidak diperlukan lagi.

## Maklumat lanjut

### -Rupa dan warna produk

Krim putih dan tidak berbau yang larut dalam air. Boleh didapati di dalam tiub aluminium 15g.

### -Bahan-bahan kandungan

-Bahan aktif  
Betamethasone Valerate.

-Bahan tidak aktif

White Soft Paraffin, Cetostearyl Alcohol, Purified Water, Cetomacrogol 1000, Liquid Paraffin, Disodium Hydrogen

Phosphate 12-Hydrate, Chlorocresol dan  
Citric Acid Anhydrous.

-Nombor MAL

*Uniflex Cream 0.025%w/w:*  
MAL19921156AZ

*Uniflex Cream 0.05% w/w:*  
MAL19970673AZ

Uniflex Cream 0.1% w/w  
MAL19870615AZ

Tidak semua produk berada dipasaran.

**Pengilang dan Pemegang Pendaftaran  
Produk**

Xepa-Soul Pattinson (Malaysia) Sdn Bhd  
1-5 Cheng Industrial Estate,  
75250 Melaka,  
Malaysia.

**Tarikh kemaskini RiMUP**

05/04/2022

**Nombor Siri:**

NPRA(R4/1)051218/00364